

D.R. 33/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA
1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Bagi maksud Akta ini, "tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2).

Tafsiran.

3. Akta Institut Teknologi MARA 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan am. Akta 173.

(a) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Rektor";

- (b) dengan menggantikan perkataan "Majlis" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Lembaga"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan "Pengetua" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Provos".

Perubahan badan eksekutif institut.

4. (1) Segala sebutan mengenai Majlis Institut Teknologi MARA dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga Pengarah Institut Teknologi MARA.

(2) Perubahan nama dan perubahan badan eksekutif itu tidaklah inenyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Majlis, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

(3) Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis sebelum tarikh yang ditetapkan boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Lembaga Pengarah.

Tanggungan boleh dikuatkuasakan terhadap Lembaga.

5. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Majlis boleh, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Lembaga Pengarah.

Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Lembaga.

6. Segala tanah, harta dan aset yang sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan terletak pada atau dirizabkan bagi Majlis atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletak pada atau dirizabkan bagi Lembaga Pengarah atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa pemindahhakan, penyerahakan, atau pemindahmilikan.

7. (1) Segala sebutan mengenai Pengarah dan Pengetua dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, ditafsirkan masing-masing sebagai sebutan mengenai Rektor dan Provos.

Perubahan
nama
jawatan
Pengarah
dan
Pengetua.

(2) Perubahan nama jawatan itu tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Pengarah dan Pengetua, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

(3) Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Pengarah atau Pengetua sebelum tarikh yang ditetapkan boleh diteruskan atau dimulakan masing-masing atas nama Rektor atau Provos.

8. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Pengarah dan Pengetua boleh, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan masing-masing terhadap Rektor dan Provos.

Tanggungan
boleh dikuat-
kuasakan
terhadap
Rektor atau
Provos.

9. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.

(a) dengan memasukkan sebelum takrif "Cawangan" takrif yang berikut:

' "Bendahari" ertinya pegawai utama kewangan Institut, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik di bawah seksyen 22;';

(b) dengan memasukkan selepas takrif "ditetapkan" takrif yang berikut:

' "ijazah" ertinya ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda atau peringkat Sarjana atau peringkat kedoktoran oleh Institut sesudah dia tamat mengikuti dengan jayanya kursus pengajian yang dirancangkan supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya;';

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "Institut" takrif yang berikut:

' "institusi pendidikan tinggi" ertinya sesuatu institusi pendidikan—

- (a) sama ada atali tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (b) sama ada di dalam atau di luar Malaysia,

yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya;

"Jawatankuasa Perwakilan Pelajar" atau "JPP" ertinya Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 23D;

- (d) dengan menggantikan takrif "kakitangan" dengan takrif yang berikut:

' "kakitangan" ertinya—

- (a) mana-mana pegawai atau pengkhidmat Institut;
- (b) mana-mana orang yang dilantik menjadi pensyarah oleh Lembaga, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, penolong pensyarah, dan *tutor*, atau
- (c) mana-mana orang yang digunakhidmat oleh Institut;

"kampus" ertinya kawasan atau kawasan-kawasan, bersama dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selamalamanya atau selainnya, oleh Institut;'

- (e) dengan memasukkan selepas takrif "Kumpulan wang" takrif yang berikut:

' "kursus pengajian" termasuklah program latihan;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Institut yang ditubuhkan di bawah seksyen 13;';

- (f) Dengan memotong takrif "Majlis";
- (g) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:

' "pelajar" ertinya seseorang pelajar berdaftar Institut yang mengikuti kursus pengajian secara sepenuh masa atau sambilan di Institut;

"Pendaftar" ertinya pegawai utama Pejabat Pendaftaran Institut, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik di bawah seksyen 21;';

- (h) dengan memotong takrif "Pengarah";
- (i) dengan memasukkan selepas takrif "Pengerusi" takrif yang berikut:

' "Provos" ertinya pegawai utama eksekutif, pentadbir dan akademik sesuatu Cawangan, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik di bawah seksyen 7;

"Rektor" ertinya Rektor atau Presiden Institut yang dilantik di bawah seksyen 20;

"Sekolah atau Pusat" ertinya Sekolah atau Pusat Institut dan termasuklah Fakulti, Kolej, Jabatan atau Akademi Institut, dan berhubungan dengan sesuatu Cawangan, termasuklah mana-mana bahagian Sekolah, Pusat, Fakulti, Kolej, Jabatan atau Akademi yang ditetapkan bagi Cawangan itu;

"Senat" ertinya Senat Institut yang ditubuhkan di bawah seksyen 16A;';

- (j) dengan memotong takrif "Pengetua"; dan
- (k) dengan memasukkan selepas takrif "tarikh yang ditetapkan" takrif yang berikut:

' "Universiti" atau "Kolej Universiti" ertinya—

Akta 30.

(a) sesuatu Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;

Akta

(b) sesuatu Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996; atau

(c) Universiti atau Kolej Universiti lain—

(i) sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah suatu undang-undang bertulis; atau

(ii) sama ada di dalam atau di luar Malaysia.'

Pindaan am dalam teks bahasa kebangsaan.

10. Teks bahasa kebangsaan Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "Meteri", "meteri" dan "dimeterikan" di mana-mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan "Meterai", "meterai" dan "dimeteraikan"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "pelajaran" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "pendidikan".

Pindaan seksyen 4.

11. Seksyen 4 Akta ibu. adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan "pengajian," perkataan "untuk membuat peruntukan untuk penyelidikan,"; dan

(B) dengan menggantikan perkataan "atau dalam lain-lain lapangan yang seumpamanya" dengan perkataan "di Malaysia atau di tempat lain";

(ii) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "diploma dan sijil" dengan perkataan "ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain";

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) untuk menganugerahkan ijazah atau kurniaan kehormat kepada orang yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberikan khidmat awam yang cemerlang yang disyorkan oleh Lembaga setelah berunding dengan Senat";

(iv) dalam perenggan (c) dengan memasukkan sebelum perkataan "diploma" perkataan "ijazah,";

(v) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(ca) untuk mengadakan kerusi, jawatan pensyarah, dan jawatan dan jabatan lain, dan membuat pelantikan kepadanya";

- (vi) dalam perenggan (*d*) dengan menggantikan perkataan "dalam Malaysia" dengan perkataan "di Malaysia atau di tempat lain";
- (vii) dalam perenggan (*e*) dengan menggantikan perkataan "memberi" dengan perkataan "mengurniakan *fellowship*";
- (viii) dalam perenggan (i)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan "atau" yang terdapat selepas perkataan "persaraan" dengan koma; dan
 - (B) dengan memasukkan selepas perkataan "simpanan" perkataan "atau kebajikan"; dan
- (ix) dengan memasukkan selepas perenggan (*j*) perenggan yang berikut:
 - (*ja*) untuk memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada kakitangan Institut;
 - (*jb*) untuk memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa had dan syarat yang diluluskan oleh Menteri;
 - (*jc*) untuk menjalankan penyelidikan dan pengeluaran komersial bagi pemajuan dan penggunaan yang berkesan akan hasil penyelidikan Institut;
 - (*jd*) untuk memasarkan dan memfrancaiskan perkhidmatan, hasil penyelidikan, dan keluaran, Institut;"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Institut boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menyatakan—

- (a) Diploma dan Diploma Lanjutan yang dianugerahkan oleh Institut yang telah diberi pengiktirafan oleh Kerajaan sebagai setaraf dengan ijazah di peringkat Sarjana Muda; dan
- (b) tarikh-tarikh Diploma dan Diploma Lanjutan itu diberi pengiktirafan oleh Kerajaan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a),

dan Diploma dan Diploma Lanjutan itu hendaklah diberi taraf ijazah yang dianugerahkan di peringkat Sarjana Muda, dengan atau tanpa kepujian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari tarikh pengiktirafan sedemikian diberikan, walaupun tarikh pengiktirafan itu adalah tarikh sebelum tarikh mula berkuatkuasanya subseksyen ini .".

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 4A.

Kuasa tambahan Institut. 4A. (1) Institut boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan—

(a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan perjalanan kuasa, pelaksanaan tugas dan perjalanan aktiviti Institut, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usahasama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama, atau selainnya, dengan—

- (i) sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang

ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;

(ii) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;

(iii) badan atau pihak berkuasa awam;

(iv) suruhanjaya; atau

(v) seseorang;

(b) menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Institut;

(c) menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab bagi, mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan yang pada pendapat Institut bermanfaat atau berfaedah kepada Institut;

(d) meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Institut bagi menjelaskan obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;

(e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan dengan apa-apa nilai atau menggadaikan, menggadaikan, menyandarkan atau selainnya mewujudkan lien ke atas hartanya, sama ada harta alih atau tak alih, atas apa-apa terma

yang difikirkan suai-manfaat oleh Institut;

- (f) bagi maksud-maksud pelaburan, memperoleh dan memegang bagi pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, obligasi dan sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh—
 - (i) mana-mana syarikat atau perusahaan swasta atau mana-mana sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
 - (ii) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
 - (iii) badan atau pihak berkuasa awam; atau
 - (iv) suruhanjaya;
- (g) memperoleh syer, saham, debentur, saham debentur, bon, obligasi atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) melalui langganan asal, tender, pembelian, pemindahmilikan, pertukaran atau selainnya;
- (h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, obligasi atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahmilikkan, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, obligasi atau sekuriti itu; dan
- (i) membeli, memajak atau menyewaguna atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta

tanah dan harta alih yang perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Institut.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Institut di bawah perenggan (c) subseksyen (1).".

Pindaan
seksyen 5.

13. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "Meterai" perkataan "biasa";
- (b) dalam subseksyen (1) dan (2) dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan "Meterai" perkataan "biasa";
- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Meterai biasa Institut tidaklah boleh dicapkan pada apa-apa suratcara selain daripada ijazah, diploma atau sijil kecuali di hadapan—

- (a) Rektor atau, semasa ketiadaannya, seseorang pegawai utama Institut yang diberikuasa secara bertulis oleh Lembaga; dan
- (b) seorang anggota lain Lembaga yang diberikuasa secara bertulis oleh Lembaga,

yang hendaklah menandatangani suratcara itu sebagai tanda bahawa meterai itu telah dicapkan di hadapan mereka, dan tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu ialah meterai Institut yang sah."; dan

(d) dalam subseksyen (4)—

- (i) dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan "Meterai" perkataan "biasa";

- (ii) dengart memasukkan sebelum perkataan "diploma" perkataan "ijazah,"; dan
- (iii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:
 - "(a) Rektor atau, semasa ketiadaannya, seorang anggota lain Lembaga yaiig diberikuasa secara bertulis oleh Lembaga; dan".

14. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

- (a) dengan memotong perkataan "dan Petaling Jaya"; dan
- (b) dengan memotong perkataan "salah satu atau kedua-dua".

15. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 7.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "dalam Malaysia" dengan perkataan "di Malaysia atau di tempat lain";
- (b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "ketua pegawai" dengan perkataan "pegawai utama"; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (3A).

16. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 8.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan "dengan persetujuan terlebih dahulu daripada Menteri"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan "dari antara kakitangan yang digunakhidmat dalam Sekolah atau Pusat itu, mengikut mana yang berkenaan".

17. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 9.

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:
 - "Penjalanan pengajian, dsb., bersama-sama, dsb., dengan mana-mana Universiti, dsb.";

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Institut boleh, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri—

- (a) menjalankan apa-apa kursus pengajian berse sama atau bersama-sama, secara bergabung, secara usahasama atau secara francais atau selainnya, dengan mana-mana Universiti, Kolej Universiti, institusi pendidikan tinggi, atau badan profesional, atau mana-mana pertubuhan, di dalam atau di luar Malaysia; dan
 - (b) menjalankan mana-mana kursus pengajian itu sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam atau di luar Malaysia.";
- (c) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "atau lain-lain institusi pelajaran tinggi yang berkenaan bagi menjalankan kursus pengajian atau latihan itu" dengan perkataan ", Kolej Universiti, institusi pendidikan tinggi, atau badan profesional, atau pertubuhan berkenaan bagi menjalankan kursus pengajian itu"; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Dalam seksyen ini, "gabungan" termasuklah pengendalian program berkembar."

Penggantian seksyen 13.

18. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

Lembaga Pengarah.

13. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Pengarah Institut yang dikenali sebagai Lembaga Pengarah Institut Teknologi MARA.

- (2) Lembaga hendaklah terdiri daripada—
- (a) Pengerusi;
 - (b) Rektor;
 - (c) dua orang yang mewakili Kerajaan;
 - (d) lima orang yang kerana pengetahuan atau pengalaman mereka dapat, pada pendapat Menteri, membantu Lembaga, dan tiga daripada mereka hendaklah daripada sektor swasta.
- (3) Pelantikan anggota-anggota Lembaga hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apabila habis tempoh itu anggota-anggota Lembaga adalah layak dilantik semula.
- (4) Pelantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab mengenainya.
- (5) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan tugas Pengerusi—
- (a) jika bagi apa-apa tempoh yang lama Pengerusi tidak dapat, oleh sebab sakit, bercuti atau apa-apa sebab lain, melaksanakan tugas-tugasnya; atau
 - (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.
- (6) Seseorang anggota yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (5) hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan tugas Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.
- (7) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(8) Lima anggota Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(9) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh menentukan prosedurnya sendiri.

(10) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi Lembaga."

Pindaan
seksyen 16.

19. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Bagi maksud membolehkannya menunaikan kewajipannya dan menjalankan kuasanya, Lembaga boleh melantik apa-apa jawatankuasa dari kalangan anggota-anggotanya sebagaimana yang difikirkannya perlu atau wajar."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Tertakluk kepada Akta ini, dan kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga, sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh menentukan prosedurnya sendiri.

(6) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menepati apa-apa arahan atau petunjuk yang diberikan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Lembaga dan Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan, atau mengubah keanggotaan, jawatankuasa yang dilantik sedemikian.

(7) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua, kecuali perenggan 7, hendaklah terpakai bagi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) sebagaimana ia terpakai bagi Lembaga.

(8) Dalam pemakaian peruntukan-peruntukan Jadual Kedua bagi sesuatu jawatankuasa—

- (a) sebutan mengenai "Lembaga" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "jawatankuasa";
- (b) sebutan mengenai "Pengerusi" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "pengerusi"; dan
- (c) sebutan mengenai "Menteri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Lembaga".

20. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen yang berikut: seksyen baru 16A

Senat. 16A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Senat Institut untuk menasihati Lembaga tentang segala perkara akademik Institut.

(2) Senat hendaklah terdiri daripada—

- (a) Rektor sebagai Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Rektor;
- (c) semua Dekan dan Ketua Sekolah dan Pusat;
- (d) tiga wakil daripada Provos yang dilantik oleh Rektor; dan
- (e) tiga anggota kanan kakitangan akademik Institut.

(3) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(4) Pelantikan di bawah perenggan (e) subseksyen (2) hendaklah dibuat oleh Lembaga bagi tempoh dua tahun.

(5) Rektor boleh mengko-opt mana-mana orang lain menjadi anggota Senat atau menghadiri mesyuarat Senat, tetapi seseorang yang diko-opt tidak mempunyai hak mengundi.

(6) Senat hendaklah membuat syor kepada Lembaga tentang segala perkara yang berhubungan dengan—

- (a) kandungan dan penyusunan kursus pengajian yang diadakan di Institut;
- (b) kaedah pendidikan, pengajaran dan latihan yang dijalankan di Institut;
- (c) standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di Institut;
- (d) kurikulum dan kursus pengajian yang dijalankan di Institut;
- (e) kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan mana-mana kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau yang akan dijalankan di Institut;
- (f) penetapan kelayakan yang dikehendaki bagi penerimaan masuk ke mana-mana kursus pengajian yang diadakan di Institut;
- (g) cadangan-cadangan bagi penubuhan apa-apa kursus pengajian baru yang hendak dijalankan, atau pemberhentian mana-mana kursus pengajian yang sedia ada yang dijalankan, di Institut; dan
- (h) pengurniaan penghormatan akademik, *fellowship*, ijazah, diploma, sijil, hadiah, biasiswa dan kepujian akademik lain.

(7) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubungan dengan mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (6)

melainkan jika Senat terlebih dahulu diberi peluang mencatatkan dan menghantar pendapatnya kepada Lembaga tentang perkara itu.

(8) Bagi maksud membolehkannya melaksanakan tugasnya dan menunaikan kewajipannya, Senat boleh melantik apa-apa jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggota-anggotanya dan juga mana-mana orang yang diko-opt sebagai anggota di bawah subseksyen (5), dengan syarat bahawa mana-mana orang yang diko-opt tidak mempunyai hak mengundi.

(9) Senat boleh mewakili mana-mana kewajipan, tugas atau tanggungjawabnya kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya.

(10) Tertakluk kepada Akta ini, Senat boleh menentukan prosedurnya sendiri.

(11) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua, kecuali perenggan 7, hendaklah terpakai bagi Senat yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi Lembaga.

(12) Dalam pemakaian peruntukan-peruntukan Jadual Kedua bagi Senat—

- (a) sebutan mengenai "Lembaga" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Senat"; dan
- (b) sebutan mengenai "Menteri" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Lembaga".

21. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 17, 18 dan 19. Pemotongan seksyen 17, 18 dan 19.

22. Subseksyen 20(4) teks bahasa Inggeris Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "principal" dengan perkataan "chief". Pindaan seksyen 20.

Pindaan
seksyen 21.

23. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Lembaga";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Pendaftar hendaklah menjadi pegawai utama Pejabat Pendaftaran Institut dengan apa-apa tugas dan kewajipan yang ditetapkan oleh Lembaga."; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Pendaftar hendaklah melaksanakan tugas-tugasnya dan menunaikan kewajipan-kewajibannya di bawah arahan dan kawalan Rektor.".

Pindaan
seksyen 22.

24. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Lembaga"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "ketua pegawai" dengan perkataan "pegawai utama".

Seksyen
baru 22A.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22 seksyen yang berikut:

Pelantikan
pegawai
utama
lain. 22A. (1) Institut hendaklah mempunyai mana-mana pegawai utama lain yang hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Pegawai-pegawai utama itu hendaklah melaksanakan apa-apa tugas dan menunaikan apa-apa kewajipan yang ditetapkan oleh Lembaga

dan hendaklah melaksanakan tugas-tugas dan menunaikan kewajipan-kewajipan itu di bawah arahan dan kawalan Rektor."

26. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 23.

"(1) Lembaga boleh melantik, dengan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga, kakitangan lain yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Institut."

27. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 23 seksyen yang berikut: Seksyen baru 23A,

"Tatatertib kaki-tangan Institut. 23A. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua kakitangannya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan kesemua orang itu mengikut Akta ini dan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 35.

(2) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori kakitangan yang berlainan.

(3) Jawatankuasa tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib tiap-tiap kakitangan yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(4) Tiada kakitangan boleh menjadi anggota mana-mana jawatankuasa tatatertib yang mempunyai kuasa tatatertib ke atas mana-mana kakitangan yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(5) Dalam apa-apa hal jika seseorang anggota jawatankuasa tatatertib itu sendiri merupakan pengadu dalam apa-apa prosiding tatatertib di hadapan jawatankuasa tatatertib itu, maka dia tidak boleh hadir dalam prosiding itu dan Lembaga hendaklah melantik mana-mana orang lain untuk mengambil bahagian dalam prosiding itu.

(6) Pada menjalankan tugas dan kuasa tatatertibnya, jawatankuasa tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan mana-mana hukuman tatatertib atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 35.

(7) Jawatankuasa tatatertib tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan Rektor.

(8) Mana-mana kakitangan yang tak berpuas hati dengan keputusan jawatankuasa tatatertib boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian keputusan itu kepadanya, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga.

(9) Apabila Lembaga menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (8), anggota jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga anggota Lembaga tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam apa-apa prosiding berhubungan dengan rayuan itu.

(10) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib atau memberikari apa-apa arahan tentang rayuan itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

(11) Keputusan Lembaga atas sesuatu rayuan adalah muktamad."

28. (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan, prosiding tatatertib sedang didengar di hadapan, atau telah didengar tetapi belum lagi ada perintah atau keputusan dibuat atasnya oleh—

Peruntukan peralihan berhubung dengan perubahan pihak berkuasa tatatertib.

(a) Jawatankuasa Tatatertib Institut yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976; *Akia 174.*
atau

(b) mana-mana kakitangan Institut atau mana-mana lembaga kakitangan Institut yang kepadanya tugas tatatertib telah diwakilkan di bawah subseksyen 4(3) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976,

maka prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib atau kakitangan atau lembaga kakitangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud menyempurnakan pendengaran di hadapannya, atau membuat perintah atau memberikan keputusan atas perkara yang didengarnya sebelum tarikh yang ditetapkan—

(a) Jawatankuasa Tatatertib Institut; dan

(b) kakitangan Institut atau lembaga kakitangan Institut yang kepadanya tugas tatatertib telah diwakilkan,

hendaklah menyempurnakan pendengaran itu mengikut kuasa yang terletak pada Jawatankuasa Tatatertib atau kakitangan atau lembaga kakitangan itu sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan dan boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan yang boleh dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib atau kakitangan atau lembaga kakitangan itu di bawah kuasa yang terletak pada Jawatankuasa Tatatertib atau kakitangan atau lembaga kakitangan itu sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

(3) Prosiding tatatertib yang sepatutnya boleh dimulakan di hadapan—

(a) Jawatankuasa Tatatertib Institut; atau

- (b) kakitangan Institut atau lembaga kakitangan Institut yang kepadanya tugas tata tertib telah diwakilkan,

sebelum tarikh yang ditetapkan tetapi tidak dimulakan sedemikian boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan, dimulakan dan diteruskan di bawah dan dengan mematuhi seksyen 23A Akta ibu.

Akta 174

(4) Jika pada tarikh yang ditetapkan rayuan tata tertib di bawah subseksyen 4(5) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tata tertib) 1976 sedang didengar atau telah didengar di hadapan Majlis tetapi belum lagi ada perintah atau keputusan dibuat atasnya, maka rayuan itu hendaklah diteruskan di hadapan Majlis melainkan jika perayu bersetuju diadakan suatu pendengaran semula di hadapan Lembaga Pengarah Institut.

(5) Bagi maksud menyempurnakan pendengaran rayuan di hadapannya, atau membuat perintah atau memberikan keputusan atas rayuan yang didengar di hadapannya sebelum tarikh yang ditetapkan, Majlis hendaklah menyempurnakan pendengaran rayuan itu mengikut kuasa yang terletak hak padanya sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan dan boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan yang boleh dibuat olehnya di bawah kuasa yang terletak hak padanya sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

(6) Rayuan yang sepatutnya dibawa di hadapan Majlis di bawah subseksyen 4(5) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tata tertib) 1976 sebelum tarikh yang ditetapkan, tetapi tidak dibawa sedemikian boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan, dibawa di hadapan Lembaga Pengarah Institut.

(7) Rayuan yang disebut dalam subseksyen (6) yang dibawa selepas tempoh yang dinyatakan dalamnya tidak boleh dibenarkan.

(8) Jika hak untuk merayu terakru terhadap keputusan—

- (a) Jawatankuasa Tata tertib Institut; atau

(b) kakitangan Institut atau lembaga kakitangan Institut yang kepadanya tugas tata tertib telah diwakilkan,

berkenaan dengan prosiding yang disebut dalam subseksyen (1), rayuan itu boleh dimulakan di bawah dan dengan mematuhi seksyen 23A Akta ibu.

29. Semua kaedah tata tertib yang dibuat di bawah seksyen 35 Akta ibu dan berkuatkuasa atau mempunyai kesan sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya sehingga dipinda atau digantikan oleh Lembaga Pengarah Institut.

Peruntukan peralihan berhubung dengan kaedah-kaedah talatertib

30. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV, Bahagian yang berikut:

Bahagian baru IVA.

"BAHAGIAN IVA

PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN PELAJAR

Tatatertib pelajar Institut.

23B. (1) Rektor hendaklah mempunyai kuasa tata tertib ke atas tiap-tiap pelajar.

(2) Rektor hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tata tertib dan mengenakan apa-apa hukuman tata tertib yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 35.

(3) Rektor boleh mewakilkan mana-mana kuasa, kewajipan atau tugas tata tertibnya kepada mana-mana kakitangan, atau kepada mana-mana lembaga kakitangan, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu, atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Institut:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen ini kepada mana-mana kakitangan sebagaimana yang diarahkan secara bertulis oleh Menteri.

(4) Kakitangan atau lembaga kakitangan yang kepadanya mana-mana kuasa, kewajipan atau tugas di bawah subseksyen (3) telah diwakilkan hendaklah menjalankan, menunaikan atau melaksanakannya di bawah arahan dan kawalan Rektor yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan kakitangan atau lembaga kakitangan itu.

(5) Mana-mana pelajar yang tak berpuas hati dengan keputusan—

(a) Rektor; atau

(b) mana-mana orang atau lembaga yang diwakilkan dengan kuasa, kewajipan atau tugas di bawah subseksyen (3),

boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dan Menteri boleh, jika difikirkannya patut, menolak terus rayuan itu.

(6) Jika Menteri tidak menolak terus rayuan itu di bawah subseksyen (5), dia hendaklah melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada dua orang atau lebih, dari dalam atau luar Institut, untuk menimbangkan rayuan itu dan membuat syor-syornya kepada Menteri, dan, apabila syor-syor itu diterima, Menteri bolehlah memberikan apa-apa keputusan mengenai rayuan itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

Jawatan-
kuasa
Perwakilan
Pelajar.

23c. (1) Institut hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar ("JPP").

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi JPP.

Penubuhan
badan
pelajar lain.

23D. (1) Walau apa pun seksyen 23c, maka adalah sah bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar—

(a) dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Rektor yang diberikan selepas mendapat persetujuan Menteri; dan

- (b) tertakluk kepada apa-apa had dan syarat yang ditentukan oleh Rektor,

menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar bagi menganjurkan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu di dalam Institut.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga, kecuali perenggan 1 dan 7, hendaklah terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu bagi sesuatu badan pelajar di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi JPP.

Pembubaran JPP atau badan pelajar lain. 23E. (1) Menteri atau Rektor boleh, menurut budi bicara mutlakanya, tanpa memberikan apa-apa sebab baginya—

- (a) menggantung atau membubarkan JPP atau mana-mana badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 23D; dan
- (b) memberikan apa-apa arahan atau petunjuk yang berbangkit atau mengambil apa-apa langkah berbangkit yang perlu atau suai-manfaat untuk menguatkuasakan penggantungan atau pembubaran itu.

(2) Penggantungan atau pembubaran JPP atau sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 23D—

- (a) hendaklah berkuatkuasa dengan serta-merta apabila dibuat keputusan untuk menggantung atau membubarkan JPP atau badan pelajar itu; dan
- (b) adalah muktamad.

Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang bersekutu dengan persatuan, dsb. kecuali jika diluluskan oleh Menteri.

23F. (1) Tiada seorang pun, semasa dia menjadi seorang pelajar, boleh menjadi anggota, atau boleh dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain—

- (a) sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang;
- (b) sama ada ia di dalam atau di luar Institut; dan
- (c) sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia,

kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Akta ini, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri.

(2) Tiada pertubuhan, badan ataii kumpulan pelajar sama ada ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini, boleh bergabung, bersekutu atau mempunyai apa-apa urusan lain dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain—

- (a) sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang;
- (b) sama ada ia di dalam atau di luar Institut; dan
- (c) sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia,

kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Akta ini, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri.

(3) Tiada seorang pun, semasa dia menjadi seorang pelajar, boleh menyatakan atau berbuat

apa-apa jua yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan—

- (a) sokongan, simpati atau bingkangan kepada mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja; atau
- (b) sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang.

(4) Tiada pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini, atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang lain, boleh menyatakan atau berbuat apa-apa jua yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan—

- (a) sokongan, simpati atau bingkangan kepada mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja; atau
- (b) sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pelajar
atau
pertubuhan,
badan atau
kumpulan
pelajar
dilarang
memungut
wang.

23G. (1) Tiada pelajar, atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh, di dalam atau di luar kampus, atau di dalam atau di luar Malaysia—

- (a) memungut atau cuba memungut;
- (b) menganjurkan atau cuba menganjurkan apa-apa pemungutan;
- (c) membuat atau cuba membuat apa-apa rayuan secara lisan atau bertulis atau selainnya untuk mendapatkan.

apa-apa wang atau harta lain daripada mana-mana orang, yang bukan wang atau harta yang genap atau hampir genap masanya untuk dipungut di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau obligasi lain di sisi undang-undang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Menteri boleh, dalam apa-apa hal tertentu, menurut budi bicara mutlaknyanya, memberi mana-mana orang pengecualian daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa had dan syarat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut menurut budi bicara mutlaknyanya.

(4) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan perwakilan kuasa, Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah subseksyen (3) kepada Rektor berkenaan dengan pemungutan wang di dalam kampus daripada orang di dalam kampus, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu.

(5) Peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pemungutan rumah ke rumah dan di jalan, pemungutan awam, atau pemungutan wang atau penjualan lencana.

Tanggungan
kejenayahan
pemegang
jawatan,
dsb.,
pertubuhan,
badan atau
kumpulan
pelajar.

23H. (1) Jika apa-apa kesalahan dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis—

- (a) sama ada atau tidak mana-mana orang telah disabitkan atasnya; dan
- (b) kesalahan itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak—
 - (i) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini; atau
 - (ii) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang lain,

tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu dan tiap-tiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu pada masa kesalahan itu dilakukan hendaklah disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang bagi kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Mana-mana pemegang jawatan, atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang disebut dalam subseksyen (1) boleh didakwa di bawah seksyen ini, walaupun dia mungkin tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu.

(3) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen "ini terhadap seseorang pemegang jawatan, atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang disebut dalam subseksyen (1), apa-apa dokumen yang dijumpai dalam milikan mana-mana pemegang jawatan, atau orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan, pertubuhan, badan atau kumpulan itu, atau dalam milikan seseorang anggota pertubuhan, badan atau kumpulan itu adalah menjadi keterangan *prima facie* tentang kandungannya bagi maksud membuktikan bahawa apa-apa jua telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

Anggapan. 23i. Dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini—

- (a) tidaklah perlu bagi pihak pendakwa membuktikan bahawa sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang mempunyai sesuatu nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau biasanya dikenali dengan sesuatu nama tertentu;
- (b) jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, panji-panji atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, atau berupa sebagai berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang dijumpai dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu ialah anggota pertubuhan, badan atau kumpulan itu, dan pertubuhan, badan atau kumpulan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, wujud pada masa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, panji-panji atau lambang kebesaran itu dijumpai sedemikian; dan

- (c) jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, panji-panji atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang dijumpai dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

Peng-
gantungan
dan pem-
buangan
pelajar
yang
dipertuduh
atas
kesalahan
jenayah
atau yang
terhadapnya
kesalahan
jenayah
dibuktikan.

23I. (1) Jika seseorang pelajar dipertuduh dengan suatu kesalahan jenayah—

- (a) dia boleh, selepas sahaja daripada itu, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan
- (b) dia tidak boleh, jika digantung sedemikian di bawah perenggan (a), semasa menanti keputusan prosiding jenayah itu, berada di dalam atau memasuki kampus Institut.

(2) Jika mahkamah mendapati bahawa pertuduhan atas suatu kesalahan jenayah dibuktikan terhadap seseorang pelajar—

- (a) pelajar itu hendaklah, selepas sahaja daripada itu, terhenti menjadi seorang pelajar; dan
- (b) pelajar itu tidak boleh, selepas sahaja daripada itu, berada di dalam atau memasuki kampus Institut.

(3) Seseorang pelajar yang ditahan atau yang tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan-sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri—

- (a) hendaklah, selepas sahaja daripada itu, terhenti menjadi pelajar; dan

(b) tidak boleh, selepas sahaja daripada itu, berada di dalam atau memasuki kampus Institut.

(4) Seseorang pelajar yang terhenti menjadi pelajar di bawah subseksyen (2) atau (3) tidak boleh, selepas pembuangan itu, diterima masuk menjadi pelajar Institut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa had dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan menurut budi bicara mutlaknyanya.

(5) Mana-mana orang—

(a) yang berada di dalam atau memasuki kampus Institut berlawanan dengan subseksyen (1), (2) atau (3); atau

(b) yang dapat masuk menjadi pelajar Institut berlawanan dengan subseksyen (4),

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(6) Subseksyen (1), (2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi seseorang walaupun mungkin terdapat apa-apa permohonan, petisyen, rayuan, atau prosiding lain yang dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain yang belum diputuskan di dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain berkenaan dengan prosiding jenayah, tahanan, atau perintah yang mengenakan sekatan-sekatan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa apabila diputuskan permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain itu Menteri boleh, menurut budi bicara

mutlakny, memberikan perhatian kepada keputusan itu dan memberikan pengecualian kepada pelajar itu daripada pemakaian subseksyen (1), (2), (3), (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, atas apa-apa had dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan mengikut budi bicara mutlakny.

(7) Menteri boleh, pada bila-bila masa, dalam apa-apa hal tertentu, menurut budi bicara mutlakny, memberikan pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), (2), (3), (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada—

- (a) tanpa syarat;
- (b) atas apa-apa had dan syarat; atau
- (c) bagi apa-apa tempoh,

yang difikirkannya patut menurut budi bicara mutlakny.

(8) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain berhubungn dengan perwakilan kuasa, Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan penjalanan mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada Rektor, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu.

Kuasa
Menteri
untuk meng-
gantung
atau
membuang
pelajar
daripada
Institut.

23K. (1) Menteri boleh—

- (a) apabila dibuat representasi oleh Institut; dan
- (b) jika dia berpuas hati bahawa adalah wajar berbuat sedemikian demi kepentingan Institut;

memerintahkan secara bertulis supaya mana-mana pelajar—

- (aa) digantung daripada menjadi pelajar bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu; atau
- (bb) dibuang daripada Institut,

dan pelajar itu hendaklah, selepas sahaja daripada itu, digantung atau dibuang sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang pelajar yang berkenaan dengannya Menteri telah memberikan perintah secara bertulis di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu, membuat representasi kepada Menteri supaya perintah itu dibatalkan atau diubah.

(3) Menteri boleh memberikan apa-apa keputusan yang difikirkannya sesuai dan patut berkenaan dengan mana-mana representasi yang dibuat di bawah subseksyen (2), dan keputusan itu adalah muktamad.

(4) Sesuatu perintah untuk menggantung seseorang pelajar di bawah subseksyen (1) boleh, dari semasa ke semasa, dilanjutkan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Menteri berkenaan dengan setiap pelanjutan.

(5) Seseorang pelajar—

- (a) yang digantung daripada menjadi pelajar; atau
- (b) yang dibuang daripada Institut,

di bawah subseksyen (1), tidak boleh, dalam masa penggantungan itu, atau selepas pembuangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berada di dalam atau memasuki kampus Institut kecuali dengan terlebih dahulu

mendapat kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan menurut budi bicara mutlakny.

(6) Seseorang pelajar yang dibuang daripada Institut di bawah subseksyen (1) tidak boleh, selepas pembuangan itu, diterima masuk menjadi pelajar Institut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan menurut budi bicara mutlakny.

(7) Seseorang pelajar—

- (a) yang berada di dalam atau memasuki kampus Institut berlawanan dengan subseksyen (5); atau
- (b) yang dapat masuk menjadi pelajar Institut berlawanan dengan subseksyen (6),

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(8) Suatu perintah untuk menggantung atau membuang seseorang pelajar daripada Institut di bawah seksyen ini boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri dan Menteri boleh, menurut budi bicara mutlakny, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan ke atas pembatalan itu.

Dikeluarkan daripada atau ditahan daripada masuk ke dalam Institut akan pelajar yang digantung atau dibuang.

23L. Jika seseorang pelajar digantung atau dibuang daripada Institut di bawah Akta ini, Rektor—

- (a) hendaklah mengambil atau menyebabkan diambil segala langkah yang perlu untuk memastikan atau mendapatkan supaya pelajar itir dikeluarkan daripada atau

ditahan daripada masuk ke dalam Institut dengan bantuan mana-mana kakitangan Institut; dan

- (b) boleh meminta mana-mana pegawai polis membantu dalam memastikan atau mendapatkan supaya pelajar itu dikeluarkan daripada atau ditahan daripada masuk ke dalam Institut; dan pegawai polis itu boleh, atas permintaan itu, bagi maksud itu, menggunakan apa-apa kekerasan yang munasabah atau selainnya sebagaimana yang perlu ke atas pelajar itu atau mana-mana orang lain."

Pindaan
seksyen 24.

31. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (e) dengan memasukkan selepas perkataan "pelaburan," perkataan "subsidi, pajakan,"; dan
- (ii) dalam perenggan (f) dengan memasukkan selepas perkataan "pelaburan," perkataan "subsidi, pajakan,"; dan

(b) dalam subseksyen (6)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "Akta Bank, 1973" dengan perkataan "Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989"; dan
- (ii) dengan menggantikan rujukan birai "Akta 102." dengan rujukan birai "Akta 372."

Pindaan
seksyen 28.

32. Subseksyen 28(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "berwasiat" perkataan "subsidi, legasi".

Seksyen
baru 28A.

33. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

Pengenaan
surcaj. 28A. (1) Seseorang yang merupakan atau pernah menjadi kakitangan Institut boleh disurcaj

jika didapati oleh Lembaga bahawa orang itu—

- (a) telah tidak memungut wang yang terhutang kepada Institut yang pemungutannya adalah atau pernah menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang tak sepatutnya daripada Kumpulan wang atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Institut;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; dan
- (e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan membuat pembayaran daripada Institut, wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Institut.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcay di bawah subseksyen (1), menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcay.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam tempoh tiga puluh hari

dari tarikh penyampaian notis di bawah subseksyen (2), Lembaga boleh—

(a) dalam hal perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (1), mensurcaikan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau pembayaran tak sepatutnya yang dibuat, atau kekurangan nilai, atau kerugian yang disebabkan, pada wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Institut; dan

(b) dalam hal perenggan (d) dan (e) subseksyen (1), mensurcaikan terhadap orang itu sejumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcraj itu berkenaan dengan apa-apa surcraj yang dibuat di bawah subseksyen (3).

(5) Walau apa pun subseksyen (3) dan (4), Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik mana-mana surcraj yang berkenaan dengannya suatu penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika selainnya ternyata bahawa tiada surcraj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcraj itu tentang penarikan balik itu.

(6) Amaun mana-mana surcraj yang dibuat di bawah subseksyen (3) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (5) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Institut daripada orang yang disurcraj itu dan boleh dituntut dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Institut dan boleh juga jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga didapatkan melalui potongan—

(a) gaji orang yang disurcraj; atau

(b) pencen orang yang disurcraj,

dengan bayaran ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat

daripada jumlah gaji bulanan atau pencen, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

(7) Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Rektor, keanggotaan Lembaga bagi maksud subseksyen (1) hingga (6) tidak termasuk Rektor.

(8) Bagi maksud perenggan (*d*) subseksyen (1), "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap kakitangan Institut yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan memungut, menerima, atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Institut, atau yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan membayar, atau yang sebenarnya membayar, apa-apa wang itu, dan tiap-tiap kakitangan yang dipertanggungjawabkan untuk menerima, menjaga atau melupuskan, atau mengakaunkan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta Institut atau yang sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta itu."

34. Subseksyen 29(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Akta ini" perkataan "dan yang hendaklah mengikut dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan mengenai pendidikan tinggi yang dibentuk dan ditentukan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996".

Pindaan
seksyen 29.

Akta 546.

35. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 29A.

Kuasa
Menteri
untuk
mewakil-
kan.

29A, (1) Menteri boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang dinyatakannya, mewakilkan kepada Lembaga penjalanan, penunaian dan pelaksanaan mana-mana kuasa, kewajipan atau tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Perwakilan di bawah seksyen ini—

- (a) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Menteri; dan
- (b) tidaklah menghalang Menteri daripada menjalankan, menunaikan, atau melaksanakan kuasa, kewajipan atau tugas yang diwakilkan itu sendiri dalam apa-apa hal jika didapatinya suai-manfaat dia berbuat sedemikian."

Seksyen baru 36. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 34 seksyen yang berikut:

Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati.

34A. Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga;
- (b) anggota Lembaga;
- (c) Rektor;
- (d) Timbalan Rektor;
- (e) Senat;
- (f) anggota Senat;
- (g) kakitangan Institut; dan
- (h) seseorang yang diberikuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak mana-mana badan atau orang di bawah perenggan (a) hingga (g),

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam menjalankan atau menunaikan kuasa atau kewajipannya di bawah Akta ini dengan kepercayaan munasabah bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya.

Penyampaian.

34B. (1) Penyampaian apa-apa notis di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah dilaksanakan melalui

pos berdaftar kepada orang yang terjejas olehnya dan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari yang mengikuti hari notis itu sepatutnya dihantar dalam perjalanan biasa pos.

(2) Jika orang yang kepadanya dialamatkan suatu surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya diberitahu tentang hakikat bahawa ada surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos, dan orang itu enggan, abai atau tidak mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh dia diberitahu sedemikian."

37. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 35.

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Lembaga";
- (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Lembaga"; dan
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan tata tertib kakitangan;"
 - (ii) dengan memotong perenggan (c);
 - (iii) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan "pemberian" perkataan "ijazah,";
 - (iv) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

"(e) syarat-syarat penerimaan masuk, kebajikan dan tata tertib pelajar-pelajar;"

- (v) dengan memasukkan selepas perenggan
(e) perenggan yang berikut:

"(ea) apa-apa perkara yang ber-
hubungan dengan JPP dan
badan pelajar lain;".

Jadual baru
Pertama.
Kedua dan
Ketiga.

38. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 47 Jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

(Perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 4A)

Kuasa Institut
untuk membuat
kaedah-kaedah
berkenaan
dengan
perbadanan

1. Institut hendaklah, pada atau sebelum tarikh mana-mana perbadanan ditubuhkan di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 4A, menetapkan melalui kaedah-kaedah—

- (a) maksud dan tujuan yang baginya perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Institut dan hak kawalan oleh Institut ke atas perbadanan itu.

Kuatkuasa
kaedah-kaedah

2. Mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan I hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya kaedah-kaedah itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah kaedah-kaedah itu dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa untuk
meminda, dsb.,
kaedah-kaedah

3. Institut boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau menambah kepada, apa-apa kaedah yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah perenggan 1.

Penggulungan.

4. (1) Institut boleh, dengan kelulusan Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah subperenggan (1), aset perbadanan itu hendaklah berpindah milik kepada dan terletak pada Institut selepas ditunaikan segala tanggungannya.

(3) Penggulangan sesuatu perbadanan di bawah subperenggan (1) hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Institut.

Perbadanan
hendaklah
menjadi
pertubuhan
perbadanan

5. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 4A—

- (a) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga kepada perbadanan itu;
- (b) hendaklah kekal turun-temurun;
- (c) hendaklah mempunyai meterai biasa;
- (d) boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya;
- (e) boleh membuat kontrak;
- (f) boleh memegang, dan membuat apa-apa urusan mengenai atau dengan, apa-apa harta alih atau tak alih; dan
- (g) boleh membuat segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan Akta ini,

tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang dinyatakan oleh Institut dalam setiap hal.

Meterai biasa
perbadanan.

6. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang ditentukan oleh perbadanan dengan kelulusan Institut.

(2) Meterai biasa itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Institut.

(3) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "INSTITUT TEKNOLOGI MARA" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa perbadanan itu.

(4) Meterai biasa, atau cap yang disebut dalam subperenggan (3), hendaklah disimpan dalam jagaan mana-mana orang yang diberikuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu.

(5) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(6) Apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan dengan cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh seseorang pegawai atau pengkhidmat perbadanan yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(7) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 13)

Hilang
kelayakan.

1. Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi anggota Lembaga:

- (a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah undang-undang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;
- (b) jika dia menjadi bankrap;
- (c) jika dia didapati atau diisytiharkan tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya untuk menguruskan hal-ehwalnya.

Terhenti
menjadi
anggota

2. Seseorang anggota Lembaga hendaklah terhenti menjadi anggota—

- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau
- (b) jika pelantikannya dibatalkan.

- Peletakan jawatan. 3. Seseorang anggota Lembaga boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis satu bulan secara bertulis kepada Pengerusi.
- Pengisian kekosongan. 4. Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota Lembaga oleh sebab peruntukan-peruntukan Akta ini, seorang lain boleh dilantik oleh Menteri untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang baginya anggota itu dilantik.
- Elaun. 5. Anggota-anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.
- Mesyuarat 6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga dan semasa ketiadaannya anggota-anggota Lembaga hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.
- (2) Pengerusi dan tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan satu undi setiap orang, tetapi dalam keadaan bilangan undi sama banyak, Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan undi pemutus sebagai tambahan kepada undi asalnya.
- Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat 7. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian tersebut.
- (2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.
- Minit 8. Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang berkenaan dengannya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.
- Pendedahan kepentingan 9. (1) Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—
- (a) apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau pengusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau

- (b) apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga,

hendaklah mendedahkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga.

(2) Sesuatu pendedahan di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Kesahan
perbuatan dan
prosiding

10. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 9 oleh seseorang anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

JADUAL KETIGA

(Seksyen 23c dan 23D)

JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR

Pemilihan JPP

1. Dalam memilih suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, pelajar-pelajar setiap lapangan tertentu hendaklah memilih, melalui undi rahsia yang dijalankan oleh Rektor, apa-apa bilangan pelajar yang belajar dalam lapangan masing-masing yang sama banyak sebagaimana yang ditentukan oleh Rektor untuk menjadi wakil dalam JPP; dan pembahagian pendidikan yang diadakan di Institut kepada pelbagai lapangan pengajian bagi maksud perenggan ini hendaklah dibuat oleh Rektor,

Pemegang
jawatan JPP.

2. JPP hendaklah melantik dari kalangan anggotanya—

(a) seorang Yang Dipertua;

(b) seorang Naib Yang Dipertua;

(c) seorang Setiausaha; dan

(d) seorang Bendahari,

dan pemegang-pemegang jawatan itu sahajalah pemegang-pemegang jawatan dalam JPP itu.

Tempoh jawatan JPP dan pemegang jawatannya.

3. Anggota-anggota JPP dan pemegang-pemegang jawatannya hendaklah dipilih bagi tempoh satu tahun.

Kepulusan dengan undi lebih suara

4. Keputusan-keputusan JPP hendaklah diambil dengan undi lebih suara tidak kurang daripada dua pertiga daripada anggota-anggota yang hadir dan mengundi.

Jawatankuasa *ad hoc*

5. JPP boleh menubuhkan, dari semasa ke semasa, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Rektor, jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* dari kalangan anggotanya bagi maksud-maksud atau tujuan-tujuan tertentu.

Hilang kelayakan berkenaan dengan JPP

6. (1) Tiada pelajar—

(a) yang terhadapnya prosiding tatatertib belum diputuskan; atau

(b) yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib,

boleh dipilih atau terus menjadi anggota JPP melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Rektor.

(2) Seseorang pelajar—

(a) yang belum lagi menduduki peperiksaan pertamanya berkenaan dengan kursus pengajiannya; atau

(b) yang telah gagal dalam, atau yang tidak menduduki, peperiksaan yang lalu yang diadakan berkenaan dengan kursus pengajiannya,

sebelum sahaja mana-mana pemilihan yang dicadangkan bagi JPP atau oleh JPP adalah hilang kelayakan untuk dipilih dalam pemilihan atau pemilihan-pemilihan itu.

Tujuan dan tugas JPP.

7. Tujuan-tujuan dan tugas-tugas JPP adalah—

(a) untuk membantu dan menggalakkan, tertakluk kepada arahan Rektor, kemajuan kemudahan-kemudahan bagi pelajar-pelajar seperti kemudahan-kemudahan rekreasi dan pembekalan makanan dan minuman;

(b) untuk membuat representasi kepada Rektor tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan keadaan-keadaan yang dalamnya pelajar-pelajar tinggal dan belajar; dan

- (c) untuk mengusahakan apa-apa aktiviti lain yang ditentukan oleh Rektor dari semasa ke semasa.

Perbelanjaan
JPP

8. (1) JPP tidak boleh—

- (a) menyenggarakan apa-apa kumpulan wang; atau
(b) membuat apa-apa pemungutan wang atau harta,

daripada apa-apa sumber.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Rektor untuk dilakukan oleh JPP boleh dibayar oleh Institut jika tuntutan-tuntutan bertulis yang munasabah yang disokong dengan resit-resit dan baucer-baucer dikemukakan oleh JPP kepada, dan diluluskan oleh, Rektor.

Akaun JPP

9. (1) Bendahari hendaklah menyimpan akaun-akaun JPP yang sewajarnya yang hendaklah diaudit oleh seseorang yang dilantik oleh Rektor.

(2) Sesuatu salinan akaun yang disimpan di bawah subperenggan (1) hendaklah dikemukakan oleh JPP kepada Rektor untuk mendapatkan kelulusan Rektor tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, iaitu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Rektor.

Mesyuarat JPP.

10. (1) JPP hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat JPP dan minit itu hendaklah disahkan pada suatu mesyuarat yang berikutnya.

(2) JPP atau sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah, tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum mengadakan apa-apa mesyuarat, memberikan notis tentang tarikh dan masa mesyuarat itu dan agendanya kepada Rektor.

(3) Tiap-tiap mesyuarat JPP atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah diadakan hanya di tempat yang disediakan bagi maksud mesyuarat-mesyuarat itu oleh Rektor.

(4) Rektor atau wakilnya hendaklah hadir di setiap mesyuarat JPP atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP, melainkan jika Rektor memutuskan selainnya berkenaan dengan mana-mana mesyuarat tertentu.

Pemeriksaan
rekod.

11. Rekod-rekod JPP atau rekod-rekod sesuatu jawaiankuasa *ad hoc* JPP hendaklah sentiasa terbuka untuk diperiksa oleh Rektor atau wakilnya.

Pertikaian
tentang
pemilihan.

12. (1) Jika apa-apa pertikaian timbul tentang sama ada mana-mana anggota atau pemegang jawatan JPP atau tentang sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP—

(a) telah dipilih atau dilantik dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) berhak menjadi atau masih menjadi anggota atau pemegang jawatannya,

maka pertikaian itu hendaklah diputuskan oleh Rektor atau oleh seseorang yang dilantik olehnya bagi maksud itu.

(2) Keputusan Rektor atau keputusan orang yang dilantik olehnya di bawah subperenggan (1) adalah muktamad.

Takrif "pelajar"
bagi maksud
Jadual ini

13. (1) Bagi maksud Jadual ini, "pelajar" tidak termasuk seseorang pegawai awam yang mengikuti kursus pengajian di Institut.

(2) Seseorang hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar mengikut pengertian perenggan ini—

(a) apabila disiarkan keputusan peperiksaan akhir mana-mana kursus pengajian itu, jika dia lulus peperiksaan itu; atau

(b) apabila disiarkan keputusan mana-mana peperiksaan bagi kursus pengajian itu, jika dia gagal dalam peperiksaan itu, sehinggalah dia, sesudah itu, didaftarkan semula bagi kursus pengajian itu atau kursus pengajian lain yang terpakai bagi seseorang pelajar berdaftar di bawah perenggan ini."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 ("Akta").

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta.

2. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan istilah "tarikh yang ditetapkan"¹ yang bererti tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 3* bertujuan membuat pindaan am kepada Akta. Perkataan "Pengarah" telah digantikan dengan perkataan "Rektor", "Majlis" dengan perkataan "Lembaga Pengarah" dan "Pengetua" dengan perkataan "Provos".

4. *Fasal 4* bertujuan memberi kesan kepada perubahan badan eksekutif Institut daripada Majlis kepada Lembaga Pengarah dan memperuntukkan bahawa segala sebutan mengenai badan eksekutif yang lama hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai badan eksekutif yang baru.

Subfasal 4(2) dan *(3)* adalah berhubungan dengan hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Majlis, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, yang tidak terjejas dengan perubahan badan eksekutif itu.

5. *Fasal 5* bertujuan memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Majlis boleh dikuatkuasakan terhadap Lembaga Pengarah.

6. *Fasal 6* bertujuan memperuntukkan bahawa segala tanah, harta dan aset yang terletak pada Majlis akan, selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta, terletak pada Lembaga Pengarah.

7. *Fasal 7* bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan mengenai Pengarah atau Pengetua akan, selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta, ditafsirkan masing-masing sebagai sebutan mengenai Rektor dan Provos.

Subfasal 7(2) dan *(3)* adalah berhubungan dengan hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pengarah atau Pengetua, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadap mereka, yang tidak terjejas dengan perubahan nama jawatan itu.

8. *Fasal 8* bertujuan memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Pengarah atau Pengetua boleh dikuatkuasakan masing-masing terhadap Rektor atau Provos.

9. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif baru tertentu dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta, yang lebih penting adalah seperti yang berikut:

- (a) takrif "Lembaga" yang merujuk kepada Lembaga Pengarah Institut sebagai badan eksekutif yang baru Institut yang menggantikan Majlis;
- (b) takrif "ijazah" kerana Institut diberi kuasa menganugerahkan ijazah;

- (c) takrif "Rektor" sebagai ketua pegawai eksekutif, pentadbiran dan akademik Institut yang boleh juga digelar "Presiden" Institut;
- (d) takrif "Sekolah atau Pusat" yang termasuklah Pakulti, Kolej, Jabatan dan Akademi Institut;
- (e) takrif "kakitangan" untuk menggambarkan dengan khusus pelantikan pensyarah yang termasuk profesor kanan, profesor, dsb.; dan
- (f) takrif "pelajar" dan "Jawatankuasa Perwakilan Pelajar" ("JPP"), semuanya bagi maksud peruntukan Akta yang berhubungan dengan pelajar Institut.

10. *Fasal 10* bertujuan membuat pindaan am kepada teks bahasa kebangsaan Akta untuk menggantikan perkataan "Meteri", "meteri" dan "dimeterikan" masing-masing dengan perkataan "Meterai", "meterai" dan "dimeteraikan" dan perkataan "pelajaran" dengan perkataan "pendidikan".

11. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 4 Akta untuk memberi Institut kuasa, antara lain, untuk menganugerahkan ijazah, ijazah atau kurniaan kehormat dan untuk menubuhkan Cawangan di luar Malaysia. Ia juga bertujuan memberi taraf ijazah di peringkat Sarjana Muda, dengan atau tanpa kepujian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Diploma dan Diploma Lanjutan yang dianugerahkan oleh Institut dan yang telah diiktirakan oleh Kerajaan sebagai setaraf dengan ijazah, dari tarikh Kerajaan memberikan pengiktirafannya itu.

12. *Fasal 12* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 4A yang memberi Institut kuasa tambahan. Antara lain, ia termasuklah kuasa untuk meminjam wang, menyertai perniagaan usahasama, menubuhkan syarikat dan perbadanan, dan memperoleh dan memegang bagi pelaburan syer, dsb. Jika suatu perbadanan ditubuhkan oleh Institut, ia hendaklah mematuhi peruntukan Jadual baru Pertama kepada Akta.

13. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk membolehkan seseorang pegawai utama Institut atau seseorang wakil Rektor, mengikut kehendak hal keadaan, untuk melaksanakan pemeteraian, dan menandatangani, suratcara, ijazah, dsb., bagi menggantikan Rektor.

14. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 6 Akta untuk menyatakan bahawa kampus utama Institut ialah di Shah Alam, di Negeri Selangor.

15. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 7 Akta untuk membolehkan Institut menubuhkan dan menyenggarakan Cawangan atau Cawangan-Cawangannya di luar negeri.

16. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 8 Akta untuk memotong keperluan, di pihak Lembaga Pengarah, untuk terlebih dahulu mendapat persetujuan Menteri dalam menentukan bilangan Sekolah dan Pusat Institut.

17. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk membolehkan Institut menjalankan apa-apa kursus pengajian secara bersesama, atau bersama-sama, bergabung atau usahasama dengan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pendidikan tinggi, dsb. Penjalanan mana-mana kursus pengajian itu boleh dijalankan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam atau di luar Malaysia.

18. *Fasal 18* bertujuan menggantikan seksyen 13 Akta untuk menubuhkan Lembaga Pengarah yang hendaklah menjadi badan eksekutif Institut, sejajar dengan objektif penyusunan semula pentadbiran Institut.

19. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 16 Akta bagi membenarkan Lembaga Pengarah melantik apa-apa jawatankuasa yang dititkirkannya perlu atau wajar. Berbangkit daripada ini, seksyen 17, 18 dan 19 adalah dipotong melalui *fasal 21*.

20. *Fasal 20* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 16A yang mewujudkan Senat Institut. Sungguhpun Senat cuma menggantikan Jawatankuasa Hal-ehwal Akademik Majlis yang sedia ada yang dilantik di bawah seksyen 16 Akta, peranan Senat, walau bagaimanapun, adalah diperluaskan kerana hakikatnya ia merupakan badan yang menasihati Lembaga Pengarah tentang segala perkara akademik Institut dan tiada ketetapan yang menyentuh mana-mana perkara sedemikian boleh diluluskan oleh Lembaga melainkan jika Senat terlebih dahulu diberi peluang mencatatkan dan menghantar pendapatnya kepada Lembaga tentang perkara itu.

21. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 21 Akta bagi menjelaskan bahawa Pendaftar ialah pegawai utama Pejabat Pendaftaran Institut. *Fasal* ini dan *fasal 24* dan *26* juga bertujuan memperuntukkan bahawa had-had dan syarat-syarat perkhidmatan Pendaftar, Bendahari dan kakitangan lain Institut hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan tidak oleh Menteri.

22. *Fasal 25* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 22A bagi mengadakan peruntukan mengenai pelantikan pegawai utama lain Institut.

23. *Fasal 27* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 23A berhubung dengan tata tertib kakitangan Institut.

Pada masa sekarang, pihak berkuasa tata tertib berkenaan dengan kakitangan ialah Jawatankuasa Tata tertib Institut yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1), atau mana-mana kakitangan Institut atau

mana-mana lembaga kakitangan Institut yang kepadanya tugas tata tertib telah diwakilkan di bawah subseksyen 4(3), Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tata tertib) 1976 ("Akta 174"). Seksyen baru 23A mengadakan peruntukan mengenai perubahan kuasa tata tertib. Ia memberi Lembaga Pengarah kuasa untuk melantik jawatankuasa tata tertib yang berlainan berkenaan dengan kategori kakitangan yang berlainan.

24. *Fasal 28* bertujuan mengadakan peruntukan peralihan berhubungan dengan prosiding tata tertib yang belum selesai di hadapan, dan rayuan terhadap keputusan, Jawatankuasa Tata tertib Institut atau mana-mana kakitangan atau mana-mana lembaga kakitangan Institut sebagaimana yang dijelaskan dalam perenggan 23. Peruntukan ini adalah perlu disebabkan perubahan kuasa tata tertib ke atas kakitangan.

25. *Fasal 29* mengandungi peruntukan peralihan berhubungan dengan kaedah-kaedah tata tertib yang sedia ada yang dibuat di bawah seksyen 35 Akta.

26. Akta 174 juga mengandungi peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pelajar Institut. Dengan tujuan membolehkan Institut menguruskan perkara itu secara khusus di bawah Akta, *fasal 30* bertujuan mewujudkan Bahagian baru IVA yang mengandungi 11 seksyen baru, iaitu seksyen 23B hingga 23L yang pada keseluruhan isinya mengandungi peruntukan Bahagian II, III dan IV Akta 174, dan peruntukan tertentu Akta 30, sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

Pindaan yang perlu mesti dibuat kepada Jadual Pertama kepada Akta 174 serentak dengan mula berkuatkuasanya seksyen baru 23A dan Bahagian baru IVA.

27. *Fasal 31* bertujuan meminda seksyen 24 Akta untuk menambahkan "subsidi" dan "pajakan" ke dalam Kumpulan wang Institut sementara pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 28 Akta melalui *fasal 32* akan membolehkan Lembaga Pengarah menerima "subsidi" dan "legasi" untuk menampung keperluan kewangan Institut.

28. *Fasal 33* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 28A berhubungan dengan pengenaan surcaj terhadap bekas kakitangan Institut atau kakitangan Institut yang sedang berkhidmat berkenaan dengan apa-apa pembayaran yang tak patut, kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sewajarnya, kegagalan atau kelewatan membuat pembayaran, jika tiada penjelasan yang memuaskan bagi tindakan sedemikian diberikan. Amaun surcaj itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Institut.

29. *Fasal 34* bertujuan meminda seksyen 29 Akta bagi tnenghendaki Menteri, pada menjalankan kuasanya untuk memberikan arahan, bertindak mengikut dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan mengenai pendidikan tinggi yang dibentuk atau ditentukan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

30. *Fasal 35* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 29A. Seksyen baru 29A bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mewakilkan kepada Lembaga Pengarah mana-mana kuasa, kewajipan atau tugasnya di bawah Akta.

31. *Fasal 36* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 34A dan 34B. Seksyen baru 34A bertujuan melindungi apa-apa perbuatan atau peninggalan Lembaga Pengarah, anggota Lembaga, Rektor, Timbalan Rektor, Senat, anggota Senat, kakitangan Institut atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Institut, yang dilakukan dengan suci hati. Seksyen baru 34e mengandungi peruntukan berhubung dengan penyampaian dokumen.

32. *Fasal 37* bertujuan meminda seksyen 35 Akta untuk memberi Lembaga Pengarah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan tidak oleh Menteri. Ia termasuklah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah mengenai penganugerahan ijazah, tata tertib kakitangan dan pelajar Institut dan apa-apa perkara yang berhubung dengan JPP dan badan pelajar lain.

33. *Fasal 38* bertujuan memasukkan Jadual baru Pertama, Kedua dan Ketiga ke dalam Akta.

Jadual Pertama mengandungi peruntukan yang berhubung dengan perbadanan yang ditubuhkan oleh Institut.

Jadual Kedua mengandungi peruntukan bagi mengawalselia Lembaga, jawatankuasa dan Senat.

Jadual Ketiga mengandungi peruntukan berhubung dengan JPP dan badan pelajar lain.

34. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut dengan nyata adalah pindaan-pindaan yang kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN.(U²)1922.]